

KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MERAIKAN HARI RAYA AIDILFITRI BERSAMA RAKAN KONGSI

Kuala Lumpur, 2 Ogos 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) meraikan Hari Raya Aidilfitri hari ini bersama rakan kongsi, pihak-pihak berkepentingan dan kakitangan semasa Rumah Terbuka Hari Raya di Pusat Konvensyen Sime Darby.

Para tetamu disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar dan seluruh Barisan Kepimpinan yang lain.

Antara yang hadir adalah ahli-ahli Lembaga Pengarah MRT Corp, wakil-wakil dari agensi Kerajaan dan pihak-pihak pengurusan kanan MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd dan MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, Rakan Pelaksana Projek Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Turut hadir adalah wakil-wakil dari Kontraktor Pakej Kerja yang terlibat dengan pembinaan kedua-dua laluan iaitu Laluan SBK dan SSP dan rakan-rakan media.

Shahril berkata sambutan Hari Raya Aidilfitri MRT Corp merupakan suatu platform yang baik dan dalam suasana yang kurang formal bagi MRT Corp untuk bertemu dan merapatkan hubungan di antara rakan kongsi dan lain-lain pihak yang terlibat dalam Projek MRT Lembah Klang.

"Kami menghargai hubungan ini dengan rakan-rakan kami kerana ini membolehkan kami bekerjasama dengan lebih rapat dan lancar ke arah matlamat yang sama iaitu untuk menyampaikan Projek MRT kepada rakyat," katanya.

Shahril berkata kemajuan bagi kedua-dua laluan, SBK dan SSP adalah sangat baik.

"Kami kini mempunyai beberapa bulan sahaja lagi bagi Operasi Fasa Pertama Laluan SBK di antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan yang akan mula beroperasi pada hujung tahun ini. Kemajuan laluan ini kini pada 86%," jelasnya lagi.



Tambah beliau, kerja-kerja sistem mekanikal dan elektrik sedang menjalani pemeriksaan sementara ujian percubaan bagi tren akan bermula pada Oktober ini.

“Pemeriksaan dan ujian percubaan ini tidak akan melibatkan orang awam kerana kami perlu benar-benar yakin bahawa semua kerja-kerja ini berfungsi dengan baik sebelum laluan ini dibuka kepada orang ramai,” tambah beliau.

Beliau berkata kerja pembinaan bagi Fasa Kedua Laluan SBK, yang meliputi seksyen bawah tanah dan seksyen bertingkat selatan, sedang lancar dijalankan dan akan sedia beroperasi pada Julai 2017.

Bagi Laluan SSP, Shahril berkata proses penganugerahan tender kepada kontraktor-kontraktor pakej kerja telah berjalan mengikut jadual.

“Setakat ini, kami telah menganugerahkan sebanyak 21 pakej kerja. Kerja telah bermula di beberapa lokasi yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti pembersihan tanah dan

MRT Corp juga mengambil peluang ini untuk menggalakkan penglibatan mereka yang kurang berupaya dengan menjemput kanak-kanak dari Yayasan Chow Kit menjadi sebahagian daripada sambutan ini.

Dengan harapan memberikan peluang kepada kanak-kanak di Chow Kit yang terpaksa menghadapi keperitan realiti hidup di jalanan. Yayasan Chow Kit ditubuhkan sebagai pusat krisis dan persinggahan 24 jam yang menyediakan kemudahan asas, makanan, aktiviti-aktiviti dan perkhidmatan sosial.

Seramai 80 kanak-kanak dari rumah kebajikan yang menghadiri Rumah Terbuka ini, menerima duit raya dari Shahril, sementara MRT Corp turut menyampaikan RM5,000 kepada rumah kebajikan sebagai sumbangan ke arah usaha memiliki sebuah van bagi rumah tersebut.

-TAMAT-

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

Encik Leong Shen-Li
li@mymrt.com.my
MRT Corp

012-3196602 / [leong.shen-](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)

Cik Amalina Ghazali
amalina.ghazali@mymrt.com.my

016-2154055 /



MRT Corp